

KONSEP PENTADBIRAN KERAJAAN TEMPATAN DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PEMAHAMAN PELAJAR PENTADBIRAN AWAM

(LOCAL GOVERNMENT ADMINISTRATION CONCEPT IN MALAYSIA: REVIEW
ON PUBLIC ADMINISTRATION STUDENTS UNDERSTANDING)

Nor Suhaiza Md Khalid¹, Suzei Mat Nurudin² & Zarina Mohd Zain³
Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia

Abstract

The administrative system in Malaysia is considered unique due to the division of jurisdiction to different levels, namely the Federal Government, the State Government and the Local Government where each level has different jurisdiction boundaries. Between these three administration systems, Local Government is the most important administrative body at the local level for providing the closest service to the needs of the local people. Even this local government is a medium between the state and the people's governments whose role is far more to provide services and to ensure that every policy is conducted fairly at all levels of society. Therefore, in implementing the required services, local government in Malaysia has a major source of authority namely the Local Government Act 1976 (Act 171) as the official guide to ensure that every action does not exceed the limit set forth in this act. Every local government in Malaysia adopting the Act 171 or known as the Local Authority (PBT) whose role and basic duties of PBT in Malaysia have been outlined in this act. This study was conducted to look at the level of understanding of students on the jurisdiction of local authorities and their implementation in Malaysia.

Keywords: Local authority, autonomy and government

Abstrak

Sistem pentadbiran di Malaysia dianggap unik kerana pembahagian bidang kuasa kepada tiga peringkat yang berbeza, iaitu Kerajaan Pusat (Federal Government), Kerajaan Negeri (State Government) dan Kerajaan Tempatan (Local Government) yang mana setiap peringkat mempunyai sempadan bidang kuasa yang berbeza. Antara ketiga-tiga sistem pentadbiran ini, Kerajaan Tempatan merupakan badan pentadbiran yang paling bawah tetapi penting di peringkat tempatan kerana menyediakan perkhidmatan yang paling dekat untuk keperluan rakyat setempat. Malah kerajaan tempatan ini merupakan medium atau perantara di antara kerajaan negeri dan rakyat yang mana peranannya adalah menyediakan perkhidmatan serta memastikan setiap polisi terlaksana secara adil untuk semua peringkat masyarakat. Oleh itu, dalam melaksanakan perkhidmatan yang diperlukan, kerajaan tempatan

di Malaysia mempunyai satu sumber kuasa yang utama, iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagai panduan utama dan rasmi bagi memastikan setiap tidakan kerajaan tempatan tidak melebihi had yang telah termaktub di dalam akta ini. Setiap kerajaan tempatan di Malaysia yang mengguna pakai Akta 171 ini lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana peranan dan tugas-tugas asas PBT di Malaysia telah digariskan di dalam akta ini. Kajian ini dibuat bagi melihat tahap pemahaman pelajar terhadap bidang kuasa yang dimiliki PBT serta perlaksanaannya di Malaysia.

Kata kunci: Pihak Berkuasa Tempatan, autonomi dan kerajaan

2017 GBSE Journal

PENGENALAN

Kerajaan tempatan merupakan kerajaan yang menduduki peringkat ketiga dalam sistem kerajaan di Malaysia selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 171, kerajaan tempatan di Malaysia berkuasa untuk mengenakan cukai yang terhad seperti cukai taksir yang merupakan sumber pendapatan utama. Selain itu, kerajaan tempatan juga boleh menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang kecil kepada penduduk setempat di dalam kawasan pentadbiran. Undang-undang kecil yang dilaksanakan adalah sebagai jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul dalam kalangan penduduk setempat. Perlembagaan Persekutuan Malaysia meletakkan kuasa eksklusif mentadbir kerajaan tempatan kepada Kerajaan Negeri. Selain peruntukan perlembagaan, beberapa akta parlimen telah digubal bagi mengawal operasi kerajaan tempatan di Malaysia seperti Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Rujukan utama bagi kerajaan tempatan di Malaysia adalah Akta Kerajaan Tempatan 171, di mana ianya paling berpengaruh dalam menggariskan bentuk, struktur organisasi, tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan secara menyeluruh. Pada masa yang sama, akta ini juga menggariskan kuasa kerajaan tempatan dalam tiga bidang utama, iaitu pentadbiran, kewangan dan juga fungsi. Menurut seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengenakan suatu kadar cukai taksiran bagi pegangan di bawah pentadbirannya. Hasil cukai akan digunakan untuk menampung perbelanjaan kerajaan tempatan seperti melaksanakan tugas, fungsi dan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Cukai taksiran adalah menyumbang utama kepada pendapatan PBT. Hasil kutipan cukai akan digunakan untuk menyediakan kemudahan awam, menyelenggara kawasan pentadbiran dan juga membayar emolumen kakitangan. Justeru itu pengurusan cukai taksiran yang cekap adalah merupakan perkara yang penting bagi memastikan sesebuah PBT itu dapat menyeimbangkan bajet tahunannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah ingin melihat tahap pemahaman pelajar Diploma Pentadbiran Awam terhadap konsep pentadbiran kerajaan tempatan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap pemahaman pelajar Diploma Pentadbiran Awam terhadap perbezaan bidang kuasa kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Dua objektif utama yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah:

PENYATAAN MASALAH

- a) Tahap pemahaman pelajar mengenai kerajaan tempatan sangat rendah kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan bidang kuasa kerajaan negeri dengan kerajaan tempatan.
- b) Terdapat banyak istilah yang pelajar harus ketahui dan fahami dalam sesi pengajaran bagi kursus kerajaan tempatan.

TINJAUAN LITERATUR

“Kerajaan tempatan dalam konteks Semenanjung Malaysia bermaksud kerajaan di kawasan-kawasan bandar, luar bandar atau gabungan kedua-dua kawasan ini dan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi itu. Kerajaan tempatan ialah peringkat ketiga dalam struktur Persekutuan Malaysia.” Definisi Kerajaan Tempatan oleh Malcolm W. Norris (1980) di dalam Phang (1989).

Kerajaan tempatan boleh didefinisikan sebagai subdivisiyen politik dalam sesebuah negara (dalam sistem kerajaan persekutuan) atau negeri. Bidang kuasanya pula adalah seperti yang telah termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan dan dijelaskan secara terperinci berdasarkan kuasa dalam pentadbiran, kewangan dan juga fungsi kerajaan tempatan. Berdasarkan akta ini, kerajaan tempatan mempunyai kuasa tersendiri terhadap hal-ehwal tempatan, termasuk kuasa mengutip hasil cukai (cukai taksiran) dan hasil bukan cukai (saman, kupon parking dan lain-lain).

Badan yang mentadbir pula merupakan satu entiti yang dilantik atau dipilih oleh peringkat kerajaan yang lebih tinggi (misalnya dilantik oleh kerajaan negeri bagi setiap negeri atau dilantik oleh kerajaan persekutuan bagi setiap Wilayah Persekutuan (Athi Nahappan 1968; Sady 1962, dalam Ahmad Atory Hussain 1991). Badan yang mentadbir adalah merujuk kepada ahli majlis di mana kerajaan negeri akan melantik ahli majlis seramai 8 hingga 24 orang untuk mentadbir kawasan kerajaan tempatan yang telah ditetapkan.

Menurut Hill (1974), Kerajaan tempatan juga boleh didefinisikan sebagai satu unit sistem wilayah yang mana ditentukan oleh sempadan-sempadan, identiti yang sah, struktur institusi, kuasa dan tanggungjawab yang ditentukan secara am, kedudukan khas, tahap kewangan serta lain-lain autonomi. Kerajaan tempatan di Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri seperti yang digariskan dalam definisi di atas. Ini memberikan kemudahan untuk setiap kerajaan tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Kerajaan tempatan juga merupakan sebuah agensi awam yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat untuk penambahbaikan operasi (Kuppusamy, 2008). Bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia, kerajaan tempatan adalah penyumbang utama yang menyediakan perkhidmatan yang paling dekat dalam pembangunan masyarakat terutamanya untuk rakyat setempat. Sebagai agensi yang terdekat dengan rakyat dan menjadi pusat penyertaan untuk pembangunan masyarakat, kerajaan tempatan di Malaysia memainkan peranan dan tugas yang penting dalam aspek pembangunan masyarakat. Ianya berkaitan dengan penglibatan masyarakat dalam pentadbiran tempatan, penyediaan ruang perniagaan dan lain-lain perkhidmatan.

Penjelasan mengenai konsep kerajaan tempatan dalam konteks Malaysia boleh difahami menerusi Laporan Suruhanjaya Penyiasat DiRaja (1968) atau juga dikenali sebagai Laporan Athi Nahappan:

- (a) Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal tempatan, yang mana kerajaan yang lebih tinggi (kerajaan pusat atau negeri) mewakili kuasa kepada kerajaan tempatan untuk mentadbir. Kuasa yang diwakilkan adalah terhad kepada kawalan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri.
- (b) Kerajaan tempatan adalah bertaraf lebih rendah daripada kerajaan pusat atau negeri dan tertakluk di bawah kawalan kerajaan yang lebih tinggi. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan ketiga selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat dan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri.
- (c) Mempunyai kuasa autonomi yang terhad sepertimana yang diberikan oleh kerajaan pusat atau negeri dan kebiasaannya berkaitan bidang kewangan dan pentadbiran. Kuasa ini adalah penting untuk memastikan kelancaran penyediaan khidmat kepada masyarakat setempat.
- (d) Kerajaan tempatan mempunyai ciri-ciri perwakilan dan bukan perwakilan. Sekiranya melalui pilihan raya, maka ianya berstatus perwakilan dan begitulah sebaliknya. Walaupun bersifat bukan perwakilan secara tidak langsung kerana ahli majlis tidak dipilih melalui pilihan raya sebaliknya dilantik oleh kerajaan negeri, tetapi ahli majlis yang dilantik akan mewakili setiap wilayah yang telah ditetapkan oleh kerajaan tempatan dan secara tidak langsung dikehendaki mewakili rakyat setempat.
- (e) Kerajaan tempatan adalah badan berasingan daripada kerajaan pusat dan negeri serta unit-unit kerajaan tempatan yang lain. Kerajaan tempatan juga mempunyai kuasa untuk mendakwa, didakwa, membuat kontrak dan mempunyai harta. Ini untuk memudahkan proses membuat keputusan dan melancarkan tadbir urus kawasan pentadbiran kerajaan tempatan.
- (f) Fungsi kerajaan tempatan adalah memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan yang terletak di dalam kawasan sesebuah kerajaan tempatan itu. Fungsi yang jelas telah digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 171 merangkumi semua jenis kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa kewujudan pihak berkuasa tempatan yang menduduki peringkat terbawah selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat adalah penting dalam menyediakan khidmat dan menjalankan fungsi yang sangat dekat dengan masyarakat setempat.

SEJARAH KEWUJUDAN KERAJAAN TEMPATAN

Dari perspektif sejarah, kerajaan tempatan di Malaysia bermula dengan satu sejarah panjang berdasarkan ciri-ciri kerajaan tempatan yang telah lama wujud semenjak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada zaman tersebut ciri-ciri kerajaan tempatan dapat dilihat dengan kewujudan jawatan-jawatan tertentu yang berperanan untuk mengurus kesejahteraan dan keharmonian penduduk yang tinggal di sesebuah kawasan.

Menurut Nur Hairani et al (2013), kewujudan ciri-ciri kerajaan tempatan dalam bentuk yang lebih tersusun dan sistematik dikatakan bermula pada tahun 1801 di Pulau Pinang melalui penubuhan Jawatankuasa Penilai (Comitee of Assessors). Penubuhan jawatankuasa ini menjadi titik mula dalam pelaksanaan fungsi kerajaan tempatan. Ia dianggap penting kerana dikatakan mempunyai ciri-ciri kerajaan tempatan yang berperanan merancang dan membangunkan bandar George Town. Manakala pada tahun 1848, ciri-ciri kerajaan tempatan mula dapat dikesan di Melaka dengan pengenalan Akta Cukai Perbandaran. Akta ini diperkenalkan sebagai salah satu sumber pendapatan untuk kawasan bandar.

Sistem kerajaan tempatan di Malaysia banyak dipengaruhi oleh British berikutan sejarah kolonial British di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Kerajaan tempatan di Malaysia termasuklah mana-mana pihak berkuasa tempatan seperti majlis perbandaran, majlis daerah, majlis tempatan dan lembaga perbandaran autonomi.

Selepas Pulau Pinang dan Melaka, ciri-ciri kerajaan tempatan mula wujud secara beransur-ansur di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Negeri Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Pilihan Raya Perbandaran yang pertama diadakan pada akhir tahun 1857 dan 1858. Sempadan-sempadan perbandaran George Town dan Melaka diperincikan secara jelas termasuk kawasan-kawasan di bandar, manakala kawasan-kawasan luar bandar ditadbir oleh Lembaga Luar Bandar. Ahli Lembaga Luar Bandar dilantik daripada kalangan rakyat tempatan dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, berlaku beberapa peristiwa yang mempengaruhi proses perkembangan kerajaan tempatan. Perlembagaan Persekutuan telah dilancarkan pada 31 Ogos 1957. Menurut Phang (1989), dalam perlembagaan ini, ada satu peruntukan yang meletakkan kerajaan tempatan di bawah kerajaan negeri manakala kerajaan persekutuan berhak memberi nasihat untuk tujuan mencapai perkembangan yang menyeluruh di seluruh negara. Kawalan oleh kerajaan negeri adalah berdasarkan kawalan melalui Akta Kerajaan Tempatan 171 manakala kawalan dari kerajaan pusat adalah melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kerajaan tempatan mula membanjiri Malaysia sehingga tahun 1963. Senario ini mewujudkan pelbagai masalah terutamanya masalah kelancaran pengurusan kerana ketidakfahaman fungsi yang jelas dalam kalangan kerajaan tempatan. Semua masalah ini diburukkan lagi dengan kewujudan pelbagai jenis majlis tempatan di mana ada tujuh jenis kerajaan tempatan yang tidak jelas fungsi dan tanggungjawab. Di samping itu, setiap kerajaan tempatan yang wujud pada ketika itu berhadapan dengan kerumitan penguatkuasaan pelbagai ordinan, enakmen, undang-undang kecil dan peraturan yang berbeza-beza.

Sehubungan dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan penubuhan awal kerajaan tempatan, kerajaan Malaysia telah mewujudkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja pada tahun 1963 untuk menyiasat isu dan mencadangkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh kerajaan tempatan di Malaysia. Siasatan ini diketuai oleh senator Dewan Negara bernama Athi Nahappan dan hasil daripada penyusunan dan semakan semula merasakan perlunya kajian dan rombakan semula sistem kerajaan tempatan di Malaysia. Usaha ini penting bertujuan memperbaiki gerak kerja kerajaan tempatan.

Hasil utama dari laporan Athi Nahappan adalah bertumpu kepada kuasa yang diperolehi oleh kerajaan tempatan dalam bidang kewangan, pentadbiran dan fungsi. Di samping itu kerajaan tempatan dibahagikan kepada dua jenis sahaja, iaitu Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah (Majlis Bandaraya diwujudkan selepas Malaysia mempunyai kawasan bandar yang semakin membangun). Kerajaan tempatan juga mempunyai satu akta yang merangkumi semua jenis kerajaan tempatan di Malaysia, iaitu Akta Kerajaan Tempatan 171.

Selepas dari laporan Athi Nahappan, model kerajaan tempatan di Malaysia adalah sedikit berlainan daripada yang diamalkan di Barat. Namun begitu dari beberapa aspek, masih terdapat persamaan dengan sistem yang dipraktikkan oleh pentadbiran kerajaan Inggeris (Mohd Razali 1992). Sepertimana yang diamalkan di kebanyakan negara Eropah dan negara maju lain, kerajaan tempatan merupakan antara badan yang memainkan peranan penting dalam kerja pemuliharaan dan pengekalan bangunan warisan. Peranan ini telah menjadi salah satu cara untuk membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang wujud ini menjalankan tugas seperti yang dirancang. Disebabkan hal tersebut. Maka perlulah wujud satu akta yang kukuh bagi menyokong tugas dan peranannya. Di Malaysia, kerajaan tempatan yang melaksanakan tugas ini adalah seperti di Melaka dan Pulau Pinang di mana kerajaan tempatan di dua negeri tersebut bertanggungjawab memelihara hasil warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai bandar warisan dunia.

Menurut Yazid et al di dalam Pengenalan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) diikuti oleh pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133) mengatakan bahawa majoriti kerajaan tempatan yang ada di Malaysia merupakan satu penambahbaikan yang positif kepada fungsi yang sedia ada yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan tempatan sebelum ini. Ini kerana ketiga-tiga akta ini telah memperuntukkan beberapa bahagian khusus yang menyumbang kepada usaha pemuliharaan bandar dan seterusnya memastikan pihak berkuasa tempatan sedia ada memastikan warisan terus kekal menghadapi arus pemodenan walaupun dalam era globalisasi ini.

Kerajaan tempatan di Malaysia diwakilkan dengan kuasa autonomi yang terhad di bawah kawalan kerajaan negeri dan kerajaan pusat seperti penguatkuasaan undang-undang dan pungutan cukai. Walau bagaimanapun, menurut Bland (2011), meskipun PBT secara undang-undangnya mempunyai akses kepada sumber-sumber kewangan ini, namun dari segi praktisnya, PBT terikat atau terbatas dengan tindak tanduk kerajaan Pusat. Walaupun tiada pilihan raya dalam memilih ahli majlis yang merupakan perwakilan kerajaan tempatan, tetapi ahli majlis yang dipilih oleh kerajaan negeri tetap melaksanakan tugas sebagai perwakilan kepada rakyat setempat secara tidak langsung dengan mewakili setiap kawasan yang telah ditetapkan oleh kerajaan tempatan.


KAEDAH KAJIAN

Pengedaran borang soal selidik secara atas talian (online) merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Borang diedarkan ke seluruh cawangan UiTM yang menawarkan program Diploma Pentadbiran Awam (AM110) untuk pelajar tahun akhir sepenuh masa yang mengambil kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Cawangan UiTM yang menawarkan program Diploma ini ialah UiTM Seremban 3, UiTM Raub, UiTM Sg Petani, UiTM Sabah dan UiTM Sarawak.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar yang mengambil kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Sejumlah 358 pelajar yang mendaftar kursus, sebanyak 348 borang soal selidik telah dijawab oleh pelajar.


ANALISIS

Soalan kajian merujuk kepada objektif kajian yang pertama, iaitu pemilihan soalan berdasarkan senarai soalan yang berkaitan dengan objektif.




Gambar Rajah 1

Berdasarkan gambar rajah 1, didapati 66% pelajar memahami objektif utama kerajaan tempatan, sepertimana merujuk kepada objektif yang diperkenalkan oleh A.F. Leemans. (33%) responden sangat bersetuju bahawa objektif yang diperkenalkan sangat sesuai untuk diguna pakai dalam pelaksanaan kerajaan tempatan di Malaysia.




Gambar Rajah 2

Berdasarkan gambar rajah 2 pula mendapati bahawa 72% pelajar bersetuju serta faham akan ciri-ciri umum kerajaan tempatan yang mereka telah pelajari. Ciri-ciri umum ini amat jelas diterangkan kepada pelajar untuk mengelakkan pelajar keliru dengan struktur kerajaan yang lain. Manakala, 25% pelajar sangat bersetuju terhadap ciri-ciri kerajaan tempatan yang diperkenalkan dalam pelaksanaan di Malaysia. Namun, 3% pelajar masih keliru serta kurang memahami ciri-ciri kerajaan tempatan yang diperkenalkan.



Gambar Rajah 3

Menerusi gambar rajah 3, kebanyakan pelajar faham dan mengetahui autonomi yang dimiliki oleh kerajaan tempatan ini. Majoriti bersetuju dan faham akan struktur pentadbiran kerajaan tempatan yang membolehkan campur tangan daripada kerajaan negeri berdasarkan terma yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (171). Pada masa yang sama, pelajar juga memahami dan mengetahui kaedah yang digunakan oleh kerajaan tempatan untuk memperolehi sumber kewangannya meliputi denda, yuran perniagaan dan cukai tafsiran utama. Namun demikian, pelajar mungkin kurang jelas dalam memahami kuasa kerajaan tempatan membelanjakan sumber kewangan untuk pembangunan setempat dan mencantikkan landskap. Pelajar juga mungkin kurang pengetahuan berkaitan kuasa penggubalan undang-undang kecil oleh pihak kerajaan tempatan. Pendedahan terhadap contoh undang-undang kecil kerajaan tempatan harus lebih ditekankan agar pelajar tahu serta tidak keliru dengan undang-undang yang sedia ada.



Gambar Rajah 4

Berdasarkan gambar rajah 4, didapati bahawa tidak semua pelajar dapat membezakan bidang kuasa kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Masih terdapat pelajar yang keliru terhadap autonomi yang dimiliki oleh kerajaan tempatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, 37% pelajar sangat bersetuju bahawa kerajaan tempatan diletakkan di bawah pengawasan serta kawalan kerajaan negeri. Seramai 19% pelajar kurang faham mengenai bagaimana kerajaan pusat serta kerajaan negeri boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan tempatan. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar masih belum jelas tentang pelaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, didapati bahawa majoriti pelajar masih kurang jelas terhadap pelaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan di Malaysia. Namun demikian, pelajar sangat jelas akan ciri-ciri umum yang dimiliki oleh kerajaan tempatan. Pada masa yang sama, pelajar juga tahu akan cara-cara kerajaan tempatan mendapatkan sumber kewangan serta bagaimana cara kerajaan tempatan membelanjakan kewangan yang sedia ada. Berdasarkan analisa, pemahaman asas pelajar terhadap kerajaan tempatan boleh dianggap lemah. Kajian lanjutan perlu diteruskan dan perlu memfokuskan mengenai peranan utama dan fungsi kerajaan tempatan berdasarkan jenis kerajaan tempatan.

Rujukans

Ahmad Atory Hussin. 1991. Kerajaan tempatan: Teori dan peranan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Razali Agus. 1992. Pembangunan perumahan: Isu dan prospek. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Local Government Act 1976 (Act 171) & Subsidiary Legislation (as at 5th September 2007)
Kuppusamy Singaravelloo. (2008). Measuring Performance of Local Authorities Using Composite performance Index and Perceived Performance Score, Unpublished Doctor of Philosophy Thesis, submitted to the Graduate School of Management. Universiti Putra Malaysia.

Malcolm W. Norris (1980) di dalam Phang “Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia”

Nur Hairani Abd Rahman, Khairiah Salwa Mokhtar, Universiti Sains Malaysia, Muhammad Asri Mohd Ali Universiti Malaya “Halangan pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan di malaysia: kajian kes di Selangor” Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy, Vol. 40 (1) (July 2013): 42-62 @ School of History, Politics & Strategy, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

Athi Nahappan, 1968. Report of the Royal Commission of enquiry to investigate into the working of local authorities in West Malaysia. Kuala Lumpur: Jebat Volume 40 (1) (July 2013) Page |58 Article: Nur Hairani Abd Rahman, Khairiah Salwa Mokhtar and Muhammad Asri Mohd Ali Pencetak Kerajaan.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Malaysia) (Akta 171).

Hill, D.M. 1974. Democratic theory and local government. London: George Allen & Unwin.

Phang Siew Nooi. 1989. Sistem kerajaan tempatan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.